

# Kerajaan tiada hasrat laksana kerahan tenaga

UM 14 SEP 1988

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Kerajaan berpuas hati dengan tahap pertahanan negara dan tidak bercadang untuk melaksanakan kerahan tenaga (*national service*) di kalangan rakyat negara ini, tegas Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, sistem kerahan tenaga yang mewajibkan rakyat menjalani latihan ketenteraan tidak sesuai untuk dilaksanakan pada masa ini memandangkan tiada keperluan yang mendesak dari segi pertahanan negara.

"Kita juga tidak nampak perlunya kerahan tenaga diadakan di negara ini bagi tempoh akan datang," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan dialog dengan pegawai - pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kementerian Pertahanan di sini tengah hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas cadangan Pemangku Setiausaha Agung

DAP, Encik Lee Lam Thye baru - baru ini supaya diadakan kerahan tenaga bagi 'mendidik' masyarakat dalam soal pertahanan di samping menyumbangkan kepada pertahanan negara sebagai barisan pelapis, jika negara diancam musuh.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir kerahan tenaga yang dilaksanakan pada masa yang tidak sesuai akan menimbulkan banyak implikasi yang kurang baik dan keadaan seumpama itu perlu dihindarkan.

"Dulu, ada sekali, kerahan tenaga. Ada yang meninggalkan kerana tidak mahu mengikutinya dan ramai juga yang tidak senang. Kita tidak mahu suasana seumpama ini wujud, lagipun tiada keperluan mendesak pada masa ini," tambah beliau.

Beliau berkata, kerajaan juga bimbang sistem kerahan tenaga itu akan disalahgunakan oleh individu - individu hasil dari latihan ketenteraan yang mereka peroleh.